

PM tidak musuhi ulama

UM 10 FEB 2002

Oleh NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kecaman Pas terhadap ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Amerika Syarikat, 3 Februari lalu, adalah satu cubaan menimbulkan perbalahan antara ulama dengan kepimpinan kerajaan serta UMNO.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kecaman Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd. Noor menerusi lidah rasmi parti tersebut, *Harakah*, adalah tidak benar kerana Perdana Menteri tidak pernah memusuhi ulama.

“Pas sekali lagi mahu menimbulkan isu ini. Mereka nampaknya macam ada satu niat dan tujuan untuk menimbulkan perpecahan atau perbalahan antara golongan ulama dengan kepimpinan UMNO dan kerajaan,” katanya.

● Persatuan Ulama, penulis dinasihat berdalaiog — Muka 3

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kursus Penceramah-penceramah UMNO anjuran Biro Penerangan parti di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden UMNO mengulas laporan terbaru *Harakah* bertarikh 16-28 Februari bertajuk *Pas Kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon*. (Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon disahkan oleh penganjur tidak menghadiri forum tersebut).

Dalam artikel yang disiarkan pada muka belakang akhbar terbabit, Fadzil menyifatkan ucapan Dr. Mahathir sangat memualkan dan memalukan dirinya sendiri dan umat Islam seluruh dunia apabila ia diucapkan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam termasuk Ariel Sharon.

Abdullah berkata, Perdana Menteri

■ Lihat muka 4

UM 10 FEB 2002 PM tidak musuhi ulama

sering mengadakan perbincangan dengan golongan ulama di pejabatnya bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai isu yang dianggap penting kepada umat Islam terutama mengenai isu gejala sosial dan pendidikan.

“Bukan panggil ulama UMNO sahaja, malah ulama yang tidak menjadi ahli UMNO pun dijemput berbincang dengan ikhlas tanpa adanya pendirian atau agenda politik tertentu,” ujarnya.

Menurut Abdullah, apa yang Perdana Menteri katakan semasa ucapannya di WEF ialah mengenai keke-

salan beliau kerana terdapat sebilangan ulama politik yang menggunakan ajaran Islam bagi kepentingan parti masing-masing.

“Mereka sanggup mengeluarkan fatwa dan tafsiran masing-masing sehingga menimbulkan perbalahan, kekeliruan dan pergaduhan di kalangan orang Islam.

“Dr. Mahathir berpendapat ulama seumpama inilah yang menyebabkan negara-negara Islam tidak boleh mencapai kemajuan,” jelasnya.

Ucapan Perdana Menteri bertajuk ‘Peranan Islam Dalam Negara Moden’ mendedahkan mengenai masalah

besar yang dihadapi oleh kerajaan Islam kerana penyelewengan agama oleh ulama politik dan kemunculan kumpulan yang menentang pembangunan.

Menurut Dr. Mahathir, ulama politik terbabit telah menyelewengkan agama bagi memperoleh kuasa, manakala kumpulan menentang pembangunan pula cenderung mengisytiharkan jihad secara kekerasan terhadap kerajaan Islam.

Abdullah menegaskan, Dr. Mahathir hanya mengkritik ulama politik dan tidak pernah menganggap keseluruhan ulama sebagai tidak baik.

“Saya harap rakyat dan ulama akan dapat memahami bahawa bukanlah menjadi niat Dr. Mahathir untuk memusuhi ulama-ulama yang ada.

“Ulama yang baik dan betul-betul alim serta dapat memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat sentiasa dihormati dan begitulah sikap UMNO selama ini,” tegasnya.

Ditanya kemungkinan kerajaan mengambil tindakan terhadap Fadzil, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, perkara itu akan dibincangkan setelah Dr. Mahathir pulang ke tanah air daripada bercuti.